

SET 4

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan ibu bapa dalam melahirkan generasi berilmu dan kepentingan memiliki ilmu. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Generasi kini ialah pemimpin masa hadapan. Ibu bapa berperanan penting untuk melahirkan generasi muda yang mencintai ilmu. Dalam hal ini anak perlu dididik tentang kepentingan ilmu pengetahuan sejak kecil, bak kata peribahasa, "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Ibu bapa yang bertanggungjawab mencanai dan menggilap mereka, sama ada seindah pelangi atau semalap hitam masa depan mereka. Hal ini membuktikan bahawa betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam melahirkan generasi yang berilmu.

Realitinya, ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak untuk melahirkan generasi berilmu. Ibu bapa memberi pengaruh yang besar kepada anak-anak. Hal ini demikian kerana, anak-anak menghabiskan masa yang banyak di rumah. Sehubungan dengan itu, rumah menjadi sumber utama bagi anak menimba ilmu pengetahuan. Ibu bapa semestinya menerangkan kepentingan ilmu kepada anak-anak secara berhemah dan lemah lembut. Dengan cara ini, anak-anak generasi baharu dapat menerima pengajaran ibu bapa dengan hati yang terbuka.

Sementelahan itu, ibu bapa yang memikul obligasi untuk melahirkan generasi muda yang berilmu harus menggalakkan anak ke majlis ilmu. Hal ini demikian kerana, anak-anak dapat membuka mata untuk mempelajari ilmu pengetahuan yang baharu memandangkan ilmu boleh didapati melalui pelbagai cara. Sesungguhnya, dengan wujudnya sudut bacaan, anak-anak lebih terdedah dengan suasana pembelajaran yang kondusif di rumah. Anak-anak juga boleh mengisi *masa senggang* dengan membaca buku untuk menimba ilmu pengetahuan. Oleh itu, ibu bapa hendaklah menyediakan pelbagai bahan bacaan di rumah untuk keperluan bacaan anak-anak.

Ilmu itu pelita hidup. Tanpa ilmu, seseorang itu bagaikan orang buta yang kehilangan tongkat. Ibu bapa sepatutnya menjadi entiti misali bagi anak-anak mereka kerana anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang mencorakkannya. Ibu bapa juga boleh menghadiahi anak-anak buku dan bahan bacaan yang berkualiti. Elakkan membeli buku picisan untuk anak-anak. Hal ini dapat meningkatkan kegemaran anak untuk membaca. Ibu bapa haruslah memastikan yang anak mendapat buku yang berkualiti di samping meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

Ibu bapa sewajarnya menggalakkan anak menyertai pertandingan seperti pertandingan menulis esei, pidato, berbahas, bercerita ataupun forum. Tidak dapat dinafikan bahawa hal ini dapat mencungkil bakat mereka. Selain itu, mereka juga akan dapat pelbagai pengalaman yang berguna, bak kata peribahasa, "kepimpinan melalui teladan". Jelaslah bahawa penyertaan dalam pertandingan juga dapat melahirkan bakal pemimpin yang berbakat. Ingatlah "pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara". Jadi, bagi merealisasikan hasrat negara dalam melahirkan generasi berilmu semua pihak perlulah memainkan peranan sejajar dengan pelan pembangunan negara yang dibentuk.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ibu Bapa Mewariskan Generasi Ilmu'
Oleh Sharneyshaa Subramani,
Dewan Siswa, Jun 2013

Soalan 2(a)- Petikan Umum

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkaian kata *masa senggang*? [2 markah]
- (ii) Pengarang telah mengemukakan beberapa kesan apabila ibu bapa menggalakkan anak-anak menyertai pertandingan berbahasa. Nyatakan **dua** kesan. [3 markah]
- (iii) Jelaskan pendapat anda tentang **dua** langkah yang boleh diambil oleh pihak sekolah untuk melahirkan generasi berilmu. [4 markah]

Soalan 2(b)- Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SEMUA PELAJAR: Assalamualaikum dan selamat sejahtera cikgu.

CIKGU DAHARI : Waalaikumussalam dan selamat sejahtera. Semua boleh duduk. Semua dah baca berita tentang murid yang terpilih dan penempatan untuk PLKN?

NORA : Sudah cikgu. Ramai yang terpilih dan kami amat teruja untuk menyertainya. Tak sabar rasanya.

CIKGU DAHARI : Baguslah kalau begitu. Bertuah negara kita punyai remaja seperti kalian. Sentiasa sedia berkhidmat untuk negara.

SUNDARANI: Boleh cikgu terangkan lebih lanjut tentang PLKN?

CIKGU DAHARI : Tentu sekali. Program Latihan Khidmat Negara ataupun nama ringkasnya PLKN merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk pembinaan sahsiah diri. Bermatlamatkan membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar kerana dilaksanakan menurut cara Malaysia.

AH TIAU: Apakah objektifnya, cikgu?

CIKGU DAHARI: Tiga objektif yang digariskan, iaitu yang pertama, menanam semangat patriotik

dalam kalangan generasi muda atau remaja Malaysia. Kedua, memupuk semangat perpaduan kaum serta integrasi nasional, dan yang ketiga, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat untuk Negara' oleh Affix Zulkarnaen Adam dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Program Latihan Khidmat Negara berbeza daripada program-program biasa yang lain. Nyatakan perbezaan-perbezaan tersebut. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, selain mengadakan kempen apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk menarik minat remaja menyertai PLKN? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan **satu** latar masyarakat lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

KUDUP PERANG

Sementara dia bergelar panglima
laskar perang; yang terus-menerus
membajakan kezaliman- sering
mengudupkan putik dendam
kita masih perlu berterima kasih
kepada jari-jemari takdir
kerana membenarkan sepasang mata
untuk berlari dengan tangan bergari
sempat juga menadah sejambak puisi
untuk sehari lagi; sambil bertanya:
siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk
ke luar jendela; sewaktu fajar menghembus
ringkik kuda, gemerincing

pedang pusaka
dan darah yang tiba-tiba membuak
di daerah angkara-perciknya
menumbuhkan kelopak rahsia
dalam keliru, tertanya-tanya kita
tangan mana yang memenggal
leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih
tidak mahu
menyanjungnya pendekar yang paling gagah
kerana takhta setia terbina
di istana wangsa
bukanlah penjamin kukuhnya
pasak saksama
sesekali turut direntakan daki pendusta
melekatlah selumbar sengsara
di tiang maruah kota.

Andai namamu Jebat, kita masih tidak
menggelarnya sebagai pengkhianat
kerana kita masih menangi
peta keadilan yang tersiat- nun, karam
di lautan kesumat
sedang warga memanggilnya keramat.

Perang pun melecurkan lidah muslihat
bercabang lalu bertemu bayu palsu;
bertiup dan memindahkan kebenaran pada tempatnya
mewarnakan keindahan pada hodohnya
menjungkitkan amarah pada damainya
teramat lara kita menjahit semula
perca-perca bahagia- seperti perawan
yang dibungkamkan cinta pertama.

Sehingga senja tiba,
kita masih bertengkar
tentang siapa
pahlawan sebenarnya

TUAH SAUJANA

Antologi *Sejadah Rindu*

Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Mengapakah masyarakat agak sukar menganggap Hang Jebat sebagai pengkhianat?
[2 m]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah perkara-perkara yang perlu diambil kira semasa membuat penilaian terhadap jasa seseorang?
[3 m]
- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas.
[4 m]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) Tulis **satu** ayat bagi rangkai kata di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) barisan pelapis
- (ii) golongan sasaran
- (iii) kumpulan pemikir
- (iv) pihak berwajib
- (v) rakan sejawat
- (vi) teman sepermainan

[6 markah]

(b) Berdasarkan ayat-ayat penyata berhuruf condong di bawah, bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya.

- (i) Encik Ali berjanji untuk berjumpa dengan anaknya *selepas habis waktu pejabat*.
- (ii) *Keadaan kesihatan jiran saya semakin pulih* selepas menjalani pembedahan jantung pada dua bulan lepas
- (iii) Semua kenderaan bergerak perlahan *kerana kerja-kerja pembaikan jalan sedang dilakukan oleh pihak kontraktor*.
- (iv) *Doktor menyarankan orang ramai agar meminum banyak air* sewaktu musim panas untuk mengelakkan kejadian strok haba.
- (v) *Sebanyak 30 buah* tukun tiruan telah diturunkan ke dasar laut untuk dijadikan habitat pembiakan ikan
- (vi) Pameran robotik peringkat antarabangsa akan diadakan *di bandar raya Ipoh* pada tahun hadapan.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pembinaan hotel yang menepati piawan antarabangsa dapat meningkat taraf pelancongan negara kita setara dengan negara-negara luar.
- (ii) Penetapan jumlah bayaran bagi program kecemerlangan SPM sekolah itu telah terdapat persetujuan sebulat suara dalam Mesyuarat Agung PIBG
- (iii) Kepelbagaian corak dan warna tekstail dapat membantu pengusaha butik mengubah perekaan fesyen mereka

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat dibawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Persekitaran landskap sekolah yang indah dapat menggerakkan kehadiran murid di sekolah.
- (ii) Sistem pengaliran yang baik atau pembajaan yang berjadual menjamin kebaikan sesuatu tanaman ladang.
- (iii) Kecekapan pengawal lalu lintas udara di menara udara kawalan dapat memastikan kebolehan pendaratan dan pelepasan kapal terbang.

[6 markah]

(e) Nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.

- (i) Setelah pihak majlis daerah menurunkan kadar lesen perniagaan di kawasan itu, jumlah peniaga kecil semakin bertambah sehingga kawasan baharu terpaksa dibuka.
- (ii) Azim seorang murid yang mudah mengingat semua perkara yang diajar oleh gurunya walaupun dia baru pertama kali mengikuti pelajaran tersebut .
- (iii) Razak tidak menduga bahawa kajian lapangan yang dibuatnya untuk mendapatkan kelulusan peringkat ijazah pertama telah dicadangkan untuk dinilai pada peringkat sarjana.

Soalan 4 : Novel
(15 *markah*)

- 4(a) Salah satu pengajaran yang terdapat dalam novel yang anda kaji ialah pengajaran tentang simpati.

Jelaskan **dua peristiwa** yang menggambarkan pengajaran tentang simpati dalam **sebuah** novel yang anda pelajari. [7 *markah*]

- 4 (b) Huraikan satu perwatakan bagi setiap watak sampingan yang terdapat dalam jadual di bawah:

Novel	Watak
Songket Berbenang Emas	Embong
Jendela Menghadap Jalan	Haji Abdul Rahman (Datuk)

KERTAS SOALAN TAMAT